

Jalan Mukah dinaik taraf

KEMENTERIAN Kerja Raya ingin merujuk surat 'Cashrwd' yang disiarkan ruangan ini pada 7 Januari lalu. Jalan yang dimaksudkan pengadu ialah Simpang Selangau (Bahagian Sibu) hingga ke Simpang Mukah-Balingian (Matadeng) di Sarawak.

Untuk makluman, jalan ini adalah jalan negeri dan bukan Jalan Persekutuan. Bagaimanapun, kementerian memaklumkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak berhubung perkara ini. Hasil maklum balas dari JKR Sarawak, kerajaan Sarawak sudah meluluskan projek untuk menaik taraf jalan Mukah ke Simpang Jalan Sibu/Bintulu sepanjang 54.2 kilometer ke taraf JKR R5 di bawah peruntukan kerajaan negeri dan dijadualkan siap pada Julai 2010.

Untuk makluman, jalan sedia ada dibina pada 1970 dengan taraf yang rendah untuk kegunaan mengangkut hasil kelapa sawit sawit. Jalan ini enam meter lebar dengan bahu jalan sempit.

Beberapa faktor dikenal pasti menjadi penyebab keadaan jalan menjadi semakin teruk selepas 2005, apabila jalan itu tidak dapat menampung kenderaan berat yang mengangkut hasil arang batu dan kelapa sawit dari kawasan berhampiran di samping faktor cuaca yang tidak menentu.

Bagaimanapun, buat sementara waktu JKR Sarawak sudah menubuhkan pasukan khas untuk membantu menyelenggara keseluruhan jalan ini demi keselesaan pengguna di Mukah. Pihak kami memohon pengadu berhubung terus dengan JKR Sarawak untuk maklumat lanjut.

13/1/09 . **MOHD RIZAL HASHIM,**
Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Kerja Raya.